

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Unit Latihan Jabatan Pendaftar -PEND
Sent: 09 April 2017 8:22
To: UUM - All Staff
Cc: Mohd Anizam bin Ariffin; Zor Bin Mat Nor; Muhammad Hafidz bin Baharudin
Subject: JEMPUTAN MENGHADIRI SEMINAR PRAPERSARAAN 2017 DAN KONVENSYEN
PENGURUSAN SUMBER MANUSIA 2017
Attachments: Brosur Seminar Prapersaan.pdf; BROSUR KONVENS - F.pdf; borang pendaftaran.pdf



Jabatan Pendaftar

REGISTRAR'S OFFICE

Universiti Utara Malaysia

09 APRIL 2017 / 12 REJAB 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

Y.Bhg. Datuk/Prof./Dr./Tuan/Puan

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa Bahagian Pembangunan Sumber Manusia (Unit Latihan) Jabatan Pendaftar akan menganjurkan dua (2) program serentak iaitu **Seminar Prapersaraan 2017** dan **Konvensyen Pengurusan Sumber Manusia 2017** seperti butiran berikut :

Tarikh : 16-18 Mei 2017 (Selasa – Khamis)

Tempat : Hatten Hotel Melaka

Seminar PRAPERSARAAN

16-18 MEI 2017 • HATTEN HOTEL MELAKA

RASIONAL

Ramai di antara pekerja-pekerja sama ada di peringkat korporat, swasta atau kakitangan kerajaan tidak bersedia untuk bersara sedangkan masa untuk bersara adalah masa yang pasti akan datang. Seseorang yang tidak bersedia untuk bersara pasti akan menghadapi masalah untuk menyesuaikan diri dengan kehidupan di alam persaraan. Seseorang pekerja yang menghabiskan masa-masa yang berkualiti di antara 20 hingga 35 tahun di alam pekerjaan, perlu membuat persediaan yang rapi untuk menikmati persaraan yang berkualiti dan bermakna.



UUM
Universiti Utara Malaysia



OBJEKTIF

Setelah menjalani program ini, peserta di harap dapat :

- Mengetahui apa itu persaraan dan kenapa persediaan-persediaan perlu dibuat bagi mencapai persaraan yang berkualiti dan bermakna.
- Merancang aktiviti-aktiviti yang berfaedah bagi menjadikan persaraan itu sesuatu yang berfaedah dan bermakna.
- Memfokuskan kepada faedah-faedah persaraan yang bakal dinikmati oleh peserta-peserta.
- Merancang pengurusan kewangan yang baik bagi memastikan tiada masalah kewangan di usia bersara.
- Persaraan motivasi yang tinggi dan bersedia menghadapi permasalahan kehidupan di alam persaraan kelak.

SASARAN PESERTA

- Semua Kakitangan Kerajaan, Badan-badan Berkanun, Kerajaan Tempatan, Sektor Awam & Sektor Swasta.
- Orang Perseorangan dan kepada sesiapa yang berminat.

ANJURAN :
BAHAGIAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA,
JABATAN PENDAFTAR
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

Konvensyen **PENGURUSAN** **SUMBER MANUSIA 2017**

16-18 MEI 2017 • HATTEN HOTEL MELAKA



OBJEKTIF PROGRAM:

- Platform untuk membincangkan isu dan cabaran dalam pengurusan sumber manusia terutamanya keperluan modal insan yang berkemahiran tinggi, berdaya saing dan berkualiti agar organisasi akan menjadi lebih mantap.
- Setiap organisasi haruslah berusaha untuk memastikan kakitangan masing-masing mengekalkan prestasi cemerlang dan seterusnya mempertingkatkan lagi kredibiliti yang sedia ada melalui transformasi yang berkesan
- Justeru melalui program ini pelbagai pendekatan baru akan diketengahkan bagi membolehkan organisasi menguruskan sumber manusia dengan lebih berkesan kerana kegagalan menguruskan sumber manusia dengan baik boleh memberikan banyak implikasi kepada produktiviti organisasi dan juga negara.

SASARAN PESERTA:

Semua Kakitangan Kerajaan, Badan-badan Berkanun, Kerajaan Tempatan, Sektor Awam & Sektor Swasta, Orang Perseorangan dan kepada sesiapa yang berminat.

ANJURAN :
BAHAGIAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA,
JABATAN PENDAFTAR
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

Seminar Prapersaraan 2017 ini terbuka kepada bakal pesara yang berminat khususnya yang akan bersara sekurang-kurangnya dalam tempoh lima (5) tahun akan datang. Seminar ini berobjektif untuk meningkatkan kesedaran dan persediaan awal dalam urusan persaraan berkaitan faedah persaraan Skim Pencen dan KWSP,

kesejahteraan pesara, pengurusan kewangan bijak, panduan bekerja semula (peluang perniagaan) dan kelansungan kesihatan.

Manakala **Konvensyen Pengurusan Sumber Manusia 2017** terbuka kepada semua Staf UUM yang berminat. Konvensyen ini adalah sebagai platform untuk membincangkan isu dan cabaran dalam pengurusan sumber manusia terutamanya keperluan modal insan yang berkemahiran tinggi, berdaya saing dan berkualiti agar organisasi akan menjadi lebih mantap.

Maklumat lanjut sila rujuk brosur yang dilampikan. Sebarang pertanyaan sila hubungi Urusetia, Mohd Anizam Ariffin (ext : 3190), Muhamad Hafidz Baharudin (ext : 3191) dan Rossni Bakar (ext : 3185).

Perkhidmatan bas akan disediakan bagi peserta UUM.

Sekian, terima kasih.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.